

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pemandu e-hailing yang mendapat insentif secara 'one-off' sebanyak RM500 berdasarkan syarikat operasi e-hailing setakat ini. Bagaimana kerajaan membantu pemandu e-hailing atau pemandu teksi menangani kesan krisis COVID-19.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan Pakej PRIHATIN untuk membantu rakyat yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Antara bantuan yang diumumkan adalah bantuan tunai secara one-off sebanyak RM500 kepada lingkungan 120 ribu pemandu e-hailing dengan peruntukan sebanyak RM60 juta.

2. Selaras dengan pengumuman tersebut, Kementerian Kewangan (MOF) pada 11 April 2020 telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM60 juta kepada Kementerian Pengangkutan (MOT). Seterusnya pada 13 April 2020, MOT telah menyalurkan kesemua peruntukan tersebut kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sebagai agensi pelaksana untuk program PRIHATIN ini. APAD juga turut menyalurkan peruntukan kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan Sabah untuk disalurkan kepada pemandu e-hailing yang beroperasi di negeri tersebut.

3. APAD telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan proses penyaluran peruntukan bantuan tunai kepada syarikat perkhidmatan pengantara (e-hailing operator, EHO) serta memantau pelaksanaan pembayaran oleh EHO kepada pemandu masing-masing yang layak. APAD juga membuat saringan senarai pemandu yang diberikan oleh EHO untuk memastikan setiap pemandu memenuhi syarat ditetapkan iaitu warganegara Malaysia, serta mempunyai e-hailing Vehicle Permit (eVP) dan Lesen Vokasional ataupun Lesen PSV yang masih sah laku dan pemandu yang memperolehi pendapatan kutipan tambang bulanan sebanyak RM1,200 yang dinilai dari kutipan bulan November 2019, Disember 2019 atau Januari 2020.

Status Pelaksanaan di Semenanjung Malaysia

4. Seramai 70,346 orang pemandu e-hailing di Semenanjung Malaysia yang telah berjaya memperolehi bantuan tunai secara one-off sebanyak RM500.

Status Pelaksanaan di Sabah

5. Seramai 5,565 orang pemandu e-hailing di Sabah yang telah berjaya memperolehi bantuan tunai secara one-off sebanyak RM500 seperti perincian berikut:

BIL	Syarikat Pengendali (EHO)	Jumlah Yang Layak
1.	GRAB	5,429
2.	MYCAR	116
3.	MAXIM	16
4.	BORRIDE	4
5.	1CABBIE	-
6.	MYGO	-
7.	TUNE TRAVEL	-
8.	EZCAB	-
	JUMLAH	5,565

Status Pelaksanaan di Sarawak

6. Seramai 2,396 orang pemandu e-hailing di Sarawak yang telah berjaya memperolehi bantuan tunai secara one-off sebanyak RM500 seperti perincian berikut:

BIL	Syarikat Pengendali (EHO)	Jumlah Yang Layak
1.	GRAB	2,363
2.	QRGO	27
3.	MYCAR	6
JUMLAH		2,396

Sekian, terima kasih.